

MEMORANDUM

tentang

KEADILAN UNTUK KARTIKA

HENTIKAN SEBATAN, TAMATKAN HUKUMAN DERA BAGI SEMUA KESALAHAN

kepada

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak,
Perdana Menteri Malaysia,

oleh

Kumpulan Tindakan Bersama untuk Persamaan Jantina (JAG)

25 Ogos 2009

Sisters in Islam (SIS), 7 Jalan 6/10, Petaling Jaya, 46000 Selangor,
Malaysia. Tel: 60 3 77856121 Faks: 60 3 77858737
E-mel: sisters@sistersinislam.org.my

Women's Aid Organisation (WAO). P.O. Box 493 Jalan Sultan,
46760 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Tel: 60 3 7957 5636 / 0636
Faks: 60 3 7956 3237 E-mel: wao@po.jaring.my

Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER), 13 Lorong 4/48E,
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Tel: 60 3 778449777
Faks: 60 3 77844978 E-mel: empower05@gmail.com

All Women's Action Society (AWAM), 85 Jalan 21/1, Sea Park,
46300 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia. Tel: 60 3 78774221
E-mel: awam@awam.org.my

Women's Centre for Change (WCC), 24 Jones Road,
10250 Pulau Pinang, Malaysia. Tel: 60 3 2280342 Faks: 60 3 228578
Email: wcc@wccpenang.org

KEADILAN UNTUK KARTIKA

Kumpulan Tindakan Bersama untuk Persamaan Jantina (JAG) memohon agar YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak mengambil tindakan segera bagi menangani isu-isu yang timbul daripada hukuman sebat ke atas Kartika Sari Dewi Shukarno.

JAG juga menggesa agar pihak kerajaan mengkaji semula hukuman sebat sebagai satu bentuk hukuman kerana ia mencabuli prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang menganggap hukuman sebat dan bentuk hukuman dera yang lain sebagai kejam, tidak berperikemanusiaan dan perlakuan yang menjatuhkan maruah. Tambahan pula, kajian telah menunjukkan bahawa hukuman sebat bukan satu langkah pencegahan yang berkesan, walau pun untuk jenayah ganas atau jenayah seksual.

Keputusan mahkamah untuk menyebat Kartika kerana meminum arak telah membawa kepada bantahan kuat pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa, menjejaskan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang sederhana. Ia juga menyemarakkan lagi kepercayaan yang meluas bahawa Islam adalah agama yang mendiskriminasi kaum wanita. Undang-undang sivil di Malaysia melarang hukuman sebat dijatuhkan ke atas kaum wanita, tetapi undang-undang syariah tidak mempunyai sebarang pengecualian.

JAG percaya terdapat sebab-sebab yang mendorong kepada mengapa kes Kartika perlu disemak semula – berdasarkan alasan-alasan syariah, perlembagaan dan undang-undang, prinsip hak asasi manusia, serta garis panduan penjatuhan hukuman, termasuk:

Alasan-alasan Syariah

- (i) Pengajaran daripada al-Quran menekankan kepada penyesalan, pemaafan / pengampunan, dan transformasi peribadi. Malah, ayat yang menyebut tentang hukuman terhadap orang yang mencuri (Surah Al-Maai'dah 5:38-39) dan merompak 5:33-34), menekankan bahawa jika seseorang pesalah bertaubat setelah melakukan kejahatan itu dan memperbaiki diri, maka sesungguhnya Allah menerima taubatnya. Sungguh, Allah Maha Pengampun, Maha Penyayang.
- (ii) Kartika telah berulang kali menyatakan perasaan sesal dan menyesali perbuatannya itu. Beliau sepatutnya dimaafkan, dan bukannya menerima hukuman yang maksimum.
- (iii) Di Malaysia, tidak ada konsensus atau ijma' mengenai jenis kesalahan jenayah yang membawa hukuman sebat. Hanya Pahang, Perlis dan Kelantan melaksanakan hukuman sebat kerana meminum

arak di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah negeri masing-masing.

Garis Panduan Penjatuhan Hukuman

(iv) Di bawah garis panduan penjatuhan hukuman yang normal, Kartika tidak sepatutnya menerima hukuman yang maksimum kerana beliau telah mengaku bersalah, seorang pesalah kali pertama, serta menunjukkan perasaan sesal sehingga kini.

(v) Hukuman sebat juga tidak setimpal dengan keseriusan kesalahan yang dilakukan, terutama sekali tidak terdapat keganasan dalam perbuatan melakukan kesalahan tersebut.

(vi) Apabila seseorang tertuduh mengaku bersalah, ia merupakan satu faktor yang membolehkan hukuman diringankan. Oleh itu, hakim sepatutnya memberikan pertimbangan dan menyokong pesalah tersebut, dan tidak menjatuhkan hukuman maksimum dari segi denda dan jumlah sebatan yang dikenakan.

Isu Perlembagaan dan Undang-undang

(vii) Bolehkah Penjara Kajang yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan melaksanakan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah syariah di bawah bidang kuasa negeri?

(viii) Bolehkan pihak berkuasa Persekutuan melaksanakan hukuman sebat ke atas seseorang wanita Islam apabila Peraturan-peraturan Penjara 2000 yang melarang hukuman dera dikenakan ke atas seorang banduan wanita (tanpa mengira umur), atau banduan lelaki yang berumur lebih daripada 50 tahun?

(ix) Bolehkah Mahkamah Syariah Pahang sewenang-wenangnya mengenakan hukuman tambahan – hukum penjara tujuh hari – selepas perbicaraan tamat dan kes tersebut dianggap selesai, hanya untuk melaksanakan hukuman sebat tersebut?

(x) Pemangsaan Kartika telah mencabuli jaminan berpelembagaan untuk persamaan dan tanpa diskriminasi di bawah Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan. Di bawah undang-undang persekutuan, seseorang wanita tidak boleh disebat, tetapi di bawah undang-undang syariah wanita boleh disebat. Setiap hari, beribu-ribu orang Islam mencabuli undang-undang syariah yang melarang meminum arak. Akan tetapi, Kartika dijadikan mangsa dan dikenakan hukuman maksimum untuk dijadikan satu teladan kepada yang lain.

(xi) Adakah ianya tanggung jawab sesebuah negeri – dalam mewujudkan masyarakat yang bermoral – menjadikan semua "dosa"

kepada "kesalahan terhadap negeri"? Atau adakah moraliti peribadi sepatutnya terserah kepada hati nurani seseorang individu itu, daripada menganggapnya moraliti awam dan menjadikannya soal undang-undang? Seperti mana yang dilihat, penguatkuasaan undang-undang moral sering kali menyebabkan kontroversi, penyalahgunaan dan bantahan kuat. Akhirnya, Kerajaan Persekutuan campur tangan dan mereka yang ditangkap telah dibebaskan.

Kewajipan Antarabangsa

(xii) Sebagai penandatanganan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu berkaitan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (*Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)*) sejak 1995, Malaysia berkomited dalam menghormati hak kaum wanita. Komitmen ini disokong oleh kewajipan Malaysia di bawah Semakan Berkala Sejagat (*Universal Periodic Review (UPR)*) di mana ketika proses UPR pada bulan Februari 2009, delegasi Malaysia telah menyatakan dengan tegas "rasa hormat Malaysia terhadap hak asasi manusia telah lama terjalin berdasarkan ciri-ciri negara ini sebagai wadah tumpuan pelbagai kebudayaan, agama dan keetnikan".

(xiii) Malaysia juga berkomited terhadap Deklarasi Pembangunan Wanita dalam ASEAN 1988 (*1988 ASEAN Declaration on the Advancement of Women*), Deklarasi Penghapusan Kekerasan Terhadap Wanita dalam ASEAN 2004 (*2004 ASEAN Declaration on the Elimination of Violence against Women*), serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita dalam Negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) 2005 (*2005 Putrajaya Declaration and Programme of Action on the Advancement of Women in Member Countries of the Non-Aligned Movement*).

Untuk jangka masa panjang, kami menggesa agar pihak Kerajaan mengadakan kajian semula yang komprehensif ke atas undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negara ini, dengan tujuan memansuhkan undang-undang sedemikian, membolehkan rakyat Malaysia ditadbir oleh hanya satu Kanun Keseksaan di bawah pentadbiran persekutuan.

Pada 2005, Sisters in Islam (SIS), salah satu ahli JAG, telah menyerahkan satu memorandum kepada pihak Kerajaan mengulang permintaan agar undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah dimansuhkan kerana ianya tidak berasaskan teori dan amalan undang-undang Islam; bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, serta juga bercanggah atau bertindan dengan Kanun Keseksaan dan undang-undang persekutuan yang lain. Dua semakan oleh Professor Muhammad Hashim Kamali dan Professor Shad Saleem Faruqi telah diperuntukkan oleh SIS dan dikongsi bersama pihak Kerajaan.

Pihak Kerajaan seharusnya menunjukkan kekuatan dan keberanian politik untuk betul-betul mengatasi implikasi undang-undang moral yang intrusif.

Pelaksanaan undang-undang sebegini terus membangkitkan pelbagai isu yang mendalam dan menimbulkan kontroversi pada peringkat agama Islam, perlembagaan dan hak asasi manusia. Selain daripada itu, ia gagal membayangkan realiti kehidupan rakyat Malaysia masa kini yang berubah-ubah. Kemarahan orang ramai yang berterusan terhadap undang-undang moral mencerminkan sikap berkecuali kuasa negeri terhadap kehidupan persendirian dan pilihan peribadi, dan bagaimana pandangan rakyat Malaysia terhadap hak-hak mereka. Ini perlu diselesaikan.

Kumpulan Tindakan Bersama untuk Persamaan Jantina

25 Ogos 2009